



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

23 Mei 2018

1. Harga daging tak menentu; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Setempat	M/SURAT: <input type="text" value="17"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input checked="" type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
23 Mei 2018			

Sungai Petani: Harga daging lembu segar di beberapa daerah di negeri ini mula tidak menentu sejak hari pertama Ramadan, Khamis lalu.

Malah ada peniaga yang menaikkan harga daging antara RM34 sehingga RM35 sekilogram berbanding RM32 dan RM33 sekilogram sebelum ini.

Peniaga, Balqis Ismail, 32, berkata dia terpaksa menaikkan harga daging kerana pembekal menaikkan harganya.

"Pada bulan puasa ini, pembekal menaikkan har-

Harga daging tak menentu

ga daging menyebabkan saya juga terpaksa menaikkan harga daging segar kepada pelanggan.

"Bagaimanapun, saya masih cuba mengekalkan harga daging segar pada RM33. Namun, ia bergantung juga kepada kualiti daging," katanya.

Abdul Muiz Mohd Rodzi, 22, pula berkata, dia masih menjual daging segar pada harga RM33 memandangkan be-

kalan daripada lembu peliharaan bapanya sendiri.

"Setakat ini saya tiada masalah untuk mendapatkan bekalan daging kerana lembu disembelih sendiri.

"Seperti tahun lalu pada bulan puasa, kami masih menjual daging segar dan organ dalaman pada harga RM33 manakala tulang termasuk tulang rusuk pada harga RM29," katanya.

Abdul Muiz berkata, harga daging segar dijangka kekal pada RM33 menjelang Aidilfitri bergantung kepada harga ditetapkan kerajaan.

